

UM.BE/IT/606/INPUMA

27 September 2024

YBRS TUAN JAMALULAIL BIN ABU BAKAR

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Aras 5, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 PUTRAJAYA

Tuan,

SOKONGAN PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) BAGI PROGRAM SARJANA POLISI AWAM DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) – VIMALA A/P R MUNIANDY (22066133)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBrs.Tuan, pelajar bernama **Vimala A/P R Muniandy (22066133)** merupakan pelajar program Sarjana Polisi Awam di Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya.
3. Beliau telah mengikuti 27 jam kredit bagi pengajian program tersebut dan masih perlu menyempurnakan **15 jam kredit** lagi pada semester berikutnya. Kontrak yang diluluskan oleh pihak JPA adalah sehingga 12 Januari 2025, manakala tempoh akademik bagi menyempurnakan pengajian 4 Semester adalah sehingga 14 Februari 2025.
4. Sehubungan itu, INPUMA menyokong permohonan beliau untuk melanjutkan tempoh cuti belajar bermula dari **12 Januari 2025 hingga 14 Februari 2025**. Pelanjutan ini akan membolehkan beliau memberi tumpuan kepada kerja projek penyelidikan serta peperiksaan akhir.

5. Diharap permohonan beliau akan diberi pertimbangan yang sewajarnya dari pihak YBrs. Tuan.

Sekian, terima kasih.

Home of the Bright, Land of the Brave
Di Sini Bermulanya Pintar, Tanah Tumpahnya Berani

Yang benar,



DATUK DR ANIS YUSAL YUSOFF
Pengarah Eksekutif